



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan
Tanah Negara (Pindaan) 1985**

DR.24/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Kecuali seksyen 3, 4, 6, 7 dan 12, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Seksyen 3, 4, 6, 7 dan 12 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 26hb Oktober 1978.

2. (1) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang ditubuh di bawah seksyen 2 Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, hendaklah selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini dikenali sebagai "Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan"; dan segala sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pertukaran
nama.
22/66,

(2) Pertukaran nama yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) tidaklah mengesan pada apa-apa hak atau obligasi Lembaga atau menyebabkan tercacatnya apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya; dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum mula berkuatkuasanya seksyen ini bolehlah diteruskan atau dimulakan atas namanya yang baru.

Penggantian
tajuk
panjang.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan yang berikut:

“Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan yang diberi tanggungjawab atas penyatuan, pemulihan dan pemajuan mana-mana kawasan di dalam Negeri-Negeri Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan mengenai semua perkara yang semunasabahnya perlu baginya dan bersampingan dengannya.”

Pindaan
seksyen 1.

4. Seksyen 1 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong angka “(1)” yang terdapat di dalamnya;

(b) dengan memotong seksyen-kecil (2); dan

(c) dengan menggantikan nota birai dengan perkataan-perkataan “Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.”

Pindaan
seksyen 2.

5. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen-kecil (3) (e) dengan yang berikut:

“(e) tidak lebih daripada dua belas orang ahli lain, daripada mana tiga orang hendaklah mewakili Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam Malaysia, yang dilantik oleh Menteri.”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Negeri² Tanah Melayu” dalam seksyen-kecil (4) dengan perkataan “Malaysia”.

6. Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan yang berikut:

Peng-
gantian
seksyen 4.

"Fungsi-
fungsi
Lembaga.

4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga berkenaan dengan Negeri-Negeri Malaysia selain daripada Negeri Sabah dan Sarawak ialah menyatukan, memulihkan atau memajukan—

(a) mana-mana tanah Kerajaan (termasuk tanah-tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai) sama ada atas kehendaknya sendiri dan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan atau atas permintaan Pihak Berkuasa Negeri itu; dan

(b) mana-mana tanah selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a), atas permintaan tuan punya tanah itu dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara tuan punya dan Lembaga.

(2) Fungsi-fungsi Lembaga berkenaan dengan Negeri Sabah dan Sarawak ialah menyatukan, memulihkan atau memajukan mana-mana tanah yang Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan meminta Lembaga supaya menyatukan, memulihkan atau memajukan.

(3) Lembaga hendaklah bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen-kecil (1) dan (2) mempunyai kuasa—

(a) menjalankan segala aktiviti, termasuk aktiviti-aktiviti pembangunan pertanian, perumahan, pengangkutan, kewangan, perdagangan, perindustrian dan sosial, yang penjalanannya ternyata kepada Lembaga perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berkenaan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya yang tersebut itu;

(b) menggalakkan dan menyelaraskan penjalanan mana-mana aktiviti sedemikian dan memberi bantuan kepada perbadanan-perbadanan yang

ditubuh menurut peruntukan-peruntukan Akta ini dan kepada orang-orang, badan-badan, pihak-pihak berkuasa awam, perbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat yang disebut dalam perenggan (c), dan bantuan itu, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, boleh meliputi bantuan kewangan yang berupa pemberian, pinjaman dan pengambilan modal syer atau pinjaman;

(c) dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, memasuki sesuatu perkongsian, usahasama, pengusahaan, kerjasama dengan apa jua cara, perkiraan berkongsi untung atau selainnya, dengan mana-mana orang, badan, pihak berkuasa awam, perbadanan atau syarikat yang diperbadankan menurut peruntukan peruntukan Akta Syarikat 1965, yang menjalankan atau melibatkan diri atau yang sedang hendak menjalankan atau melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti sedemikian, dan mengambil atau selainnya memperolehi syer-syer dan sekuriti-sekuriti mana-mana orang, badan, pihak berkuasa awam, perbadanan atau syarikat sedemikian, dan menjual, memegang atau mengeluarkan semula syer-syer dan sekuriti-sekuriti itu dengan gerenti atau tanpa gerenti atau selainnya membuat apa-apa urusan mengenai-

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (3), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu untuk atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Lembaga bagi menjalankan fungsi-fungsinya dengan berkesan di bawah Akta ini.

(5) Walau apa pun peruntukan seksyen-kecil (1) dan (2), Lembaga boleh mengusahakan apa-apa fungsi lain dan mentadbirkan dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri Malaysia dan dalam melakukan yang demikian itu Lembaga hendaklah disifatkan sebagai melaksanakan maksud-maksud Akta ini dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai bagi Lembaga berkenaan dengan fungsi-fungsi dan pentadbiran dan pembelanjaan wang yang sedemikian itu.”

7. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 5.

(a) dengan memasukkan, di antara perkataan-perkataan “perenggan (a)” dan “seksyen 4” dalam seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “seksyen-kecil (1);” dan

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (2), seksyen-kecil (3) baru yang berikut :

“(3) Bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 4—

(a) Lembaga boleh mengikat apa-apa perjanjian dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan yang memperuntukkan mengenai cara menyatukan, memulihkan atau memajukan tanah-tanah yang berkenaan, jenis dan had aktiviti-aktiviti atau operasi-operasi yang Lembaga dijangka menjalankan bagi maksud menyatukan, memulihkan atau memajukan tanah-tanah itu, kemudahan-kemudahan yang akan diberi kepada Lembaga bagi maksud itu, hak-hak, obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti di antara Lembaga dan Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan penjalanan fungsi-fungsinya oleh Lembaga, dan apa-apa perkara lain yang perlu;

(b) Lembaga boleh memegang daripada Pihak Berkuasa Negeri atas nama Lembaga mana-mana tanah yang Lembaga diminta menyatukan, memulihkan atau memajukan, mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dipersetujui, atau tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang diikat, di antara Lembaga dan Pihak Berkuasa Negeri itu;

(c) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang diikat di antara Lembaga dan Pihak Berkuasa Negeri, mengikat apa-apa perjanjian dengan orang-orang yang bekerja atau menetap, atau bercadang hendak bekerja atau menetap, atas tanah-tanah yang hendak disatukan, dipulihkan atau dimajukan oleh Lembaga itu, yang mengadakan peruntukan mengenai terma-terma dan syarat-syarat mereka bekerja atau menetap atas tanah itu, kemudahan-kemudahan yang akan dibekalkan kepada mereka bagi maksud itu, hak-hak, obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti di antara mereka dan Lembaga berhubungan dengan pekerjaan atau penetapan mereka atas tanah-tanah itu, dan apa-apa perkara lain yang perlu.”.

Pindaan
seksyen 5b.

8. Seksyen 5B Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Negeri² Tanah Melayu” di dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan “Malaysia”.

Pindaan
seksyen 7.

9. Seksyen 7 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kumpulan-wang Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara” dengan perkataan-perkataan “Kumpulan Wang Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan”.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 7, seksyen 7A baru yang berikut: Seksyen
7A baru.

7A. (1) Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

(2) Pembayaran masuk dan keluar daripada kumpulan wang rizab itu hendaklah ditentukan oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa tiada apa jua bahagian kumpulan wang rizab itu boleh digunakan kecuali bagi maksud-maksud Lembaga, dan tiada apa jua bahagian yang melebihi satu juta ringgit boleh digunakan tanpa kelulusan Menteri.”.

11. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan me- masukkan, selepas sahaja perkataan “Kumpulan wang”, perkataan-perkataan “dan kumpulan wang rizab.”. Pindaan
seksyen 8.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 11, seksyen 11A baru yang berikut: Seksyen
11A baru.

11A. (1) Lembaga dengan kelulusan Menteri boleh dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama yang dinyatakan dalam perintah itu untuk melaksanakan dan menjaga, menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau enterprais yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajibannya atau fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, dan boleh dengan cara yang sama membatalkan, mengubah atau meminda mana-mana perintah itu.

(2) Sesuatu perintah di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah membuat peruntukan berkenaan dengan perkara yang berikut:

(a) penubuhan perbadanan;

(b) kewangan perbadanan;

(c) pemberian pinjaman oleh perbadanan dan pembayaran balik kepadanya;

(d) akaun-akaun yang akan disimpan oleh perbadanan dan pengauditan akaun-akaun itu.

(3) Perintah itu boleh membuat peruntukan lanjutan yang menentukan—

(a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;

(b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi perbadanan itu;

(c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan

(d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

(4) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan sesuatu perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan Lembaga ditubuhkan atau sebagai memberi kepada sesuatu perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak-hak, kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini.”.

Pindaan
seksyen 12.

13. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Raja atau Gabenor” dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “Pihak Berkuasa Negeri.”.

Pindaan
seksyen 14.

14. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “Menteri”, takrif baru yang berikut:

““Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi sesuatu Negeri dan meliputi, dalam hal Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya dan Pembesar-Pembesar Pemerintah.”.

(MEMPERBADANKAN) LEMBAGA PEMULIHAN DAN 69
PENYATUAN TANAH NEGARA (PINDAAN)

15. Teks bahasa kebangsaan bagi Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "kerja" dalam subseksyen (6) seksyen 2, subseksyen (1) seksyen 5 dan seksyen 6, dan perkataan "tugas" dalam subseksyen (1) seksyen 5B, dengan perkataan "fungsi-fungsi".

Mengemas-
kini istilah.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menukar nama Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (*fasal 2*) dan untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 terutamanya supaya membolehkan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan bergerak di Negeri Sabah dan Sarawak, memberi kuasa-kuasa tambahan kepada Lembaga, dan menghendaki Lembaga menubuhkan dan menguruskan satu kumpulan wang rizab.

2. *Fasal 5 (a)*, dengan menggantikan perenggan (e) seksyen-kecil (3) seksyen 2, bertujuan untuk membuat perubahan dalam cara memilih tiga orang ahli Lembaga yang akan mewakili Negeri-Negeri. Di bawah perenggan (e) yang sedia ada, mereka dinamakan oleh Majlis Tanah Negara dari kalangan dua belas orang ahli yang dilantik oleh Menteri. Perenggan (e) baru yang dicadangkan itu melenyapkan keperluan statutori tentang penamaan oleh Majlis Tanah Negara.

3. Peruntukan-peruntukan yang mengawal penjalanan oleh Lembaga akan fungsi-fungsinya di Negeri Sabah dan Sarawak ialah seksyen-kecil (2) seksyen 4 baru (*fasal 6*) dan seksyen-kecil (3) seksyen 5 (*fasal 7 (b)*). Menurut seksyen-kecil (2) seksyen 4, fungsi-fungsi Lembaga mengenai Negeri-Negeri itu ialah untuk menyatu, memulih atau memajukan mana-mana tanah yang Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan meminta Lembaga menyatu, memulih atau memajukan. Seksyen-kecil (3) seksyen 5 membolehkan Lembaga, bagi maksud menjalankan fungsi-fungsi itu, mengikat perjanjian-perjanjian dengan Pihak Berkuasa Negeri dan dengan pekerja-pekerja atau peneroka-peneroka di atas tanah-tanah yang hendak disatu, dipulih atau dimajukan itu. Perjanjian-perjanjian itu akan mengawalselia hubungan di antara Lembaga dan Negeri dan di antara Lembaga dan pekerja-pekerja atau peneroka-peneroka dan akan mengadakan rangka undang-undang dalam mana Lembaga akan bergerak. Seksyen-kecil (3) itu juga membolehkan Lembaga memegang daripada Pihak Berkuasa Negeri, tertakluk kepada syarat-syarat atau perjanjian, tanah-tanah yang akan disatu, dipulih atau dimajukan oleh Lembaga.

4. Kuasa-kuasa tambahan diberi kepada Lembaga oleh seksyen-kecil (3) dan (5) seksyen baru 4. Seksyen 11A (*fasal* 12) memberi kepada Lembaga kuasa untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan.

5. Kumpulan wang rizab diperuntukkan oleh seksyen baru 7A (*fasal* 10).

6. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan-pindaan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan tambahan yang mana amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini. [PN. (U) 1120.]